

# Malaysia komited atasi Islamofobia

## PM ajak amal kesederhanaan selaras usaha capai agenda Malaysia MADANI

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Islamofobia dan semua tindakan kebencian serta keganasan terhadap individu berdasarkan agama atau kepercayaan, mesti ditolak, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagi mencapai tujuan itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa secara konstruktif dan kolektif.

"Malaysia dengan sepenuh hati menyertai masyarakat dunia dalam memperingati Hari Antarabangsa untuk Memerangi Islamofobia pada 15 Mac.

"Ini bukanlah suatu hari yang patut diraikan, tetapi merupakan

hari untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dunia dan keperluan tindakan untuk menangani Islamofobia," katanya dalam catatan di Facebook, semalam.

Anwar berkata, umat Islam seluruh dunia akan menyambut ketibaan Ramadan dalam masa terdekat.

Justeru, beliau mengajak rakyat supaya mengamalkan kesederhanaan selaras pelaksanaan Malaysia MADANI dan menolak ideologi ekstremis dalam menyambut bulan mulia itu, lapor *BERNAMA*.

### Sumbang usaha efektif

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata Malaysia bersedia menyumbang kepada usaha yang efektif dalam menangani Islamofobia dan semua tindakan kebencian serta keganasan terhadap individu berdasarkan agama atau kepercayaan mereka.

Katanya, setahun yang lalu, masyarakat antarabangsa bersama-sama menetapkan 15 Mac sebagai Hari Antarabangsa Memerangi Islamofobia.



## Malaysia dengan sepenuh hati menyertai masyarakat dunia dalam memperingati Hari Antarabangsa untuk Memerangi Islamofobia pada 15 Mac

**Anwar Ibrahim,**  
Perdana Menteri

Menurutnya, dengan berbuat demikian, Malaysia menjunjung semangat Perkara 1 mengikut Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia yang menyatakan bahawa "Semua manusia dilahirkan bebas dan sama rata dari segi kemuliaan dan hak.

"Malaysia berbangga menjadi sebahagian daripada solidariti antarabangsa yang tepat pada masanya bagi menangani Islamofobia dan semua tindakan kebencian serta keganasan terhadap individu atas sebab agama atau kepercayaan mereka.

"Mereka mempunyai pemikiran dan hati nurani dan hen-

daklah bertindak di antara satu sama lain dengan semangat persaudaraan'.

"Islam adalah sebuah agama yang berlandaskan keamanan dan ajarannya yang benar menggalakkan penerimaan dan menghargai kepelbagaian," katanya dalam kenyataan semalam.

Zambry berkata, adalah menyedihkan kerana pada masa ini, umat Islam masih dihalang daripada mengamalkan agama mereka dengan bebas dan ditindas kerana kepercayaan mereka.

"Malaysia amat kesal kerana perasaan syak wasangka, diskriminasi dan kebencian terhadap

umat Islam meningkat kepada 'kadar wabak' seperti dilaporkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Manifestasi tindakan Islamofobia menjurus ke arah ekstremisme dan keganasan," katanya.

### Bertindak secara kolektif

Beliau berkata, perkara ini seterusnya akan menjejaskan usaha ke arah keamanan dan keharmonian dunia.

"Masyarakat antarabangsa perlu melihat isu Islamofobia melangkaui retorik dan mengenal pasti langkah untuk menangani keadaan yang wujud dan sikap yang menyumbang ke arah perbuatan keji ini.

"Sebagai langkah ke hadapan, kita mesti bertindak secara kolektif dan kolaboratif dalam menangani isu ini," katanya.

Beliau berkata, kejayaan Malaysia dalam memupuk keamanan, keharmonian dan kestabilan berdasarkan pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi berbilang kaum dan agama, yang turut diperkukuhkan lagi melalui konsep 'Malaysia MADANI'.